



PERCUMA 27 September - 3 Oktober 2014, 2 - 8 Zulhijjah 1435

Liku-liku perjalanan Menteri Besar yang baharu

muka 2 & 3

DYMM Sultan: Lupakan sengketa, bangunkan negeri

muka 15

Sekitar pelantikan Exco baharu Selangor

muka 7 - 9



SEDIA GALAS TUGAS... barisan Exco lama dan baru bersama DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan pimpinan kanan Kerajaan Negeri selepas majlis angkat sumpah di Istana Alam Shah, Klang Foto: Sekretariat Akhbar MB

Azmin mula tugas sebagai MB Selangor

SHAH ALAM - Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Antarabangsa, Mohamed Azmin Ali dilantik sebagai Menteri Besar Selangor ke-15, menggantikan Tan Sri Khalid Ibrahim yang menduduki kerusi itu sejak 2008, sekaligus mengakhiri kemelut politik yang berlarutan beberapa bulan.

Pelantikan itu dibuat selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah membuat pilihan berdasarkan kuasanya mengikut Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri dan istiadat pelantikan itu diadakan 23 Sep-

tember lalu.

Mohamed Azmin yang mengenakan sepersalinan lengkap baju Melayu serba hitam dan bertanjak turut membacakan 10 sumpah aku janji sambil memegang Lembing Sembuana, tradisi yang dihidupkan semula sejak Pakatan Rakyat (PR) memerintah Selangor.

Beliau kemudian menandatangani surat cara pelantikan jawatan Menteri Besar sambil disaksikan Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam Datuk Mohamad Zabidin Mohd Diah dan angkat sumpah sebagai pemimpin tertinggi negeri semalam di Istana Alam Shah, Klang.

Saya bersyukur kerana dapat mulakan tugas baru saya yang telah diberikan amanah. Setelah mengadakan perbincangan awal dengan Datuk Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) tentang tugas Menteri Besar

MOHAMED AZMIN
Datuk Menteri Besar

na Alam Shah, Klang.

Mohamed Azmin yang juga Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) memulakan tugas keesokannya dengan rasa syukur dan memberi jaminan untuk menggalas amanah itu sebaik mungkin.

"Saya bersyukur kerana dapat mulakan tugas baru saya yang telah diberikan amanah. Setelah mengadakan perbincangan awal dengan Datuk Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) tentang tugas Menteri Besar, saya menghadiri majlis taklimat bersama ketua jabatan," katanya.

Beliau turut beramah mesra dengan kakitangan SUK, selain mengadakan lawatan sekitar pejabatnya sebelum menderang sesi taklimat dengan diiringi Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohamed Khusrin Munawi.

Ia diikuti pelantikan 10 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) pada 26 September selepas memperoleh perkenan Sultan Sharafuddin.

Perkembangan yang berjalan lancar itu sekali gus membawa petanda positif terhadap kebajikan rakyat dan kemajuan negeri.



OLEH LIZAWATI MADFA

Berkat doa ibu!

Itulah antara ungkapan Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali selepas mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Selangor ke-15.

Tidak hairanlah rumah bonda kesayangan, Che Tom Yahaya di Kampung Klang Gate menjadi lokasi pertama Mohamed Azmin seusai upacara angkat sumpah di Istana Alam Shah, Klang.

Ternyata, di sebalik jerit perih perjalanan dalam dunia

Perjalanan karier bapa kepada enam cahaya mata itu bermula berputik sejak 1987 apabila bertugas di Kementerian Pelajaran sebagai pegawai khas kepada Menteri Pendidikan ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim

Dari pemimpin reformis ke kerusi MB

politik selama 27 tahun, Azmin akhirnya berpeluang menabur jasa di bumi tercinta sebagai Menteri Besar - berkat doa seorang ibu.

"Masa dapat tahu, mak cik memang terkejut, antara senyum dan tangis. Senyum sebab gembira dan tangis sebab sedih," luah ibunda Azmin, Che Tom.

Mengimbu kembali lembaran kisah politik, Azmin juga seperti kebanyakan reformis lain tidak lepas daripada dibusur bilah difitnah, ditangkap, dibogel dan dimalukan.

Perjalanan karier bapa kepada enam cahaya mata itu bermula berputik sejak 1987 apabila bertugas di Kementerian Pelajaran sebagai pegawai khas kepada Menteri Pendidikan ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Peluang itu diberi Perdana Menteri keempat, Tun Dr Mahathir Mohamad yang mula

mengenali Azmin sewaktu menuntut di Universiti Minnesota, Amerika Syarikat.

Namun, berikutan krisis pemecatan Anwar pada 1998,

Azmin tetapi memilih untuk setia bersama Anwar yang dipecat dari jawatan Timbalan Perdana Menteri, sekaligus mengeruhkan hubungannya dengan Ma-

hathir. Malah, Azmin lantang menentang Mahathir terutama dalam mempertahankan Anwar dalam kes fitnah.

Sejak itu, perjalanan kisah



Tidak patah semangat walaupun berhadapan dengan pelbagai tohmahan dan fitnah



BERSEDIA... Mohamed Azmin memulakan tugas sebagai MB Selangor yang baharu

Azmin sarat dengan pelbagai rintangan yang turut terpalit kepada ahli keluarga termasuk isteri dan anak-anaknya.

Namun, lawan tetap lawan!

Azmin merupakan antara pengasas Parti Keadilan Nasional yang ditubuh pada 1999 yang kini dikenali sebagai Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Sejak 2010 sehingga kini, beliau terus mendapat kepercayaan anggota parti untuk memegang jawatan Timbalan Presiden PKR.

Suara Azmin bukan sekadar bergema di lorong reformasi dan pentas parti semata-mata, perjuangannya disokong rakyat hingga menempatkannya di Dewan Negeri Selangor (DNS) pada Pilihan Raya Umum ke-10 pada 1999.

Beliau ketika itu menang kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Hulu Kelang menewaskan calon Barisan Nasional (BN), Datuk Fuad Hassan dengan majoriti 1,146 undi.

Pada PRU ke-12, selain menang kerusi DUN Bukit Antarabangsa, Azmin turut merampas kerusi Parlimen Gombak daripada BN dengan majoriti 6,867 undi. Kecemerlangan itu diteruskan pada PRU ke-13 dengan mengekal kerusi DUN Bukit Antarabangsa dan Parli-

Suara Azmin bukan sekadar bergema di lorong reformasi dan pentas parti semata-mata, perjuangannya disokong rakyat hingga menempatkannya di Dewan Negeri Selangor (DNS)

men Gombak.

Dalam konteks sebagai Menteri Besar, sejak awal kemenangan Pakatan Rakyat, gabungan PKR, PAS dan DAP di Selangor, Azmin antara calon yang disebut-sebut untuk menerajui pentadbiran di Selangor.

Walaupun sehingga PRU 13 tidak terpilih, Azmin tidak merajuk, sebaliknya terus memberi kerjasama dengan Kerajaan Negeri sekalipun ada beberapa insiden yang agak tegang.

Sejak pertengahan Julai lepas, kerusi Menteri Besar mulai panas apabila Anwar yang juga Ketua Umum PKR mengumumkan Presiden parti itu, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai

calon menggantikan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Selepas kehilangan sokongan majoriti Adun, Abdul Khalid bertindak meletak jawatan, namun ditangguh penerimaan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah sehingga baginda menerima calon sesuai.

Azmin akhirnya diperkenan baginda untuk menerajui Kerajaan Negeri selepas meneliti senarai calon dan Adun yang difikir layak memegang jawatan Menteri Besar.

Selepas mendapat restu PKR dan parti gabungan dalam PR, Azmin mengangkat sumpah di Istana Alam Shah, Klang dan melafaz 10 Ikrar Aku Janji sebagai MB Selangor.

Sekaligus, pelantikan Azmin sebagai Menteri Besar ibarat sirih pulang ke gagang.

Menjelang PRU 14, Azmin pasti menggunakan peluang yang ada bagi membuktikan kewibawaan dalam mentadbir negeri terkaya di Malaysia.

"Harapan makcik sebagai ibu mestilah tinggi. Kita nasihatkan dia yang terbaik.

"Sudah jadi Menteri Besar mesti mesra dengan orang bawahan. Jangan fitnah orang, jangan aniaya orang dan jangan berbohong," pesan ibunda tercinta kepada Azmin.

Liku perjalanan politik Mohamed Azmin

- **Pada 1999**, Mohamed Azmin Ali yang mewakili Parti Keadilan Nasional memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Hulu Kelang, menewaskan calon Barisan Nasional (BN)-Umno Datuk Fuad Hassan dengan majoriti 1,146 undi.

- **Pada 2008**, beliau menang kerusi Parlimen Gombak menewaskan Said Anuar Said Ahmad (Umno BN) dengan majoriti 6,867 undi dan menang DUN Bukit Antarabangsa menewaskan Haslinda Mohd Zerain (Umno BN) dengan majoriti 1,381 undi.



- **Pada PRU 13**, Azmin kekalkan kerusi Parlimen Gombak dan DUN Bukit Antarabangsa untuk penggal kedua berturut-turut. Sejak itu, namanya disebut-sebut menggantikan Menteri Besar Selangor ketika itu, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.



- **Pada Mac 2014**, Langkah Kajang digerakkan Pengarah Strategi Parti Keadilan Rakyat (PKR), Rafizi Ramli dengan mengosongkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang. Pada mulanya, Datuk Seri Anwar Ibrahim diletak sebagai calon tetapi terhalang berikutan pendakwaan kes mahkamah.

- **Pada Julai 2014**, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail disepakati sebagai calon tetapi menimbulkan kemelut politik berpanjangan, apatah lagi Presiden PKR itu tidak diterima Istana Selangor.

- **Pada 9 Ogos**, Abdul Khalid yang menerima surat tunjuk sebab, dipecat PKR berkuat kuasa serta-merta. Bagaimanapun beliau meneruskan tugas sebagai Menteri Besar melalui perkenan Sultan Selangor.

- **Pada 17 Ogos**, PAS umum tidak menyokong kepimpinan Abdul Khalid dan mencalonkan Dr Wan Azizah dan Azmin sebagai calon Menteri Besar baharu. Proses menghantar nama calon juga mencetus keributan hingga melarat kepada PAS.

- **Pada 18 September**, Istana Selangor mengesahkan Majlis Angkat Sumpah Menteri Besar Selangor baharu diadakan pada 23 September di Istana Alam Shah, Klang.

- **23 September**, Azmin dilantik sebagai Menteri Besar Selangor ke-15 setelah Istiadat Angkat Sumpah di Balairong Seri Istana Alam Shah, Klang sekali gus merungkai kemelut politik berpanjangan di Selangor.

Penjawat awam sedia beri kerjasama baik MB baharu

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Penjawat awam di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) menyambut baik serta mengalu-alukan pelantikan Mohamed Azmin Ali sebagai Menteri Besar Selangor yang baru.

Beberapa penjawat awam yang ditemui Selangor Kini menyatakan kesediaan untuk bekerjasama di bawah pentadbiran Menteri Besar baru selepas lebih enam tahun berada di bawah kepimpinan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim. Seorang kakitangan awam,

Khalim Ibrahim, 62, berkata beliau merasa gembira terhadap pemilihan Menteri Besar baru dan berharap supaya Azmin dapat menjalankan pentadbiran negeri dengan baik dan lancar.

Katanya semua pihak tidak perlu membuat perbandingan dengan pentadbiran lalu, sebaliknya perlu terus komited menjalankan tugas masing-masing.

“Sebagai kakitangan awam, kita terima sahaja siapa yang menjadi Menteri Besar dan bekerja macam biasa,” katanya.



“**Semua pihak tidak perlu membuat perbandingan dengan pentadbiran lalu, sebaliknya perlu terus komited menjalankan tugas masing-masing**

KHALIM IBRAHIM
Penjawat Awam

“

Rakyat mengharapkan perubahan dan idea baru diterapkan dalam pembangunan negeri dengan pelantikan Mohamed Azmin Ali sebagai Menteri Besar baru

LILI BAKAR
Penjawat Awam

Pendapat sama turut dikongsi **Kamal Ghazali**, 48, yang berharap supaya pentadbiran negeri di bawah pimpinan Azmin akan bertambah baik dan memberi kelainan untuk kepentingan penjawat awam.

“Kalau harap dia boleh beri nafas baru untuk kepentingan negeri dan penjawat awam,” katanya yang sudah berkhidmat lebih daripada 25 tahun dalam sektor kerajaan.

Bagi **Lili Bakar**, 50, sesiapa sahaja yang dilantik sebagai Menteri Besar perlu menjalankan tanggungjawab dan amanah yang diberikan sebaiknya.

“Sesiapa sahaja jadi Menteri Besar, mereka perlu beri khidmat terbaik kepada rakyat, jadi terpulang kepada beliau (Azmin) untuk melaksanakannya,” katanya.

Rakyat mengharapkan perubahan dan idea baru diterapkan dalam pembangunan negeri dengan pelantikan Mohamed Azmin Ali sebagai Menteri Besar baru.

Malah orang awam yang ditemui turut memberikan pendapat yang sama.

Ahli Perniagaan, **Mohd Termizi Abu Bakar**, 51, berkata, Azmin sebagai seorang ahli politik muda, pilihan tepat diputuskan DYMM Sultan Selangor.

“Kita sebagai rakyat ingin melihat pembaharuan,” katanya.



Beliau berharap Azmin diberi peluang secukupnya untuk membuktikan kebolehannya.

“Keputusan istana tidak boleh dipertikaikan,” katanya yang menganggap Tuanku Sultan tentu sudah mengkaji berhubung keputusan dibuat itu.

Pengusaha Kafe, **Siti Rawan Baharom**, 54, berkata, Azmin perlu disokong rakyat supaya beliau boleh meneruskan segala perancangan dibuat dan menambah baik pentadbiran.

“Saya berharap kebajikan rakyat terus diberikan keutamaan,” katanya.

“


Azmin perlu disokong rakyat supaya beliau boleh meneruskan segala perancangan dibuat dan menambah baik pentadbiran.

SITI RAWAN BAHAROM
Pengusaha Kafe

“

Saya berharap Azmin diberi peluang secukupnya untuk membuktikan kebolehannya. Keputusan istana tidak boleh dipertikaikan

TERMIZI ABU BAKAR
Ahli Perniagaan



Selangor Kini

SIDANG PENGARANG

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Hafizh Mokhtar

PEMBANTU PENGARANG: Rusidah Salim

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazliibrahim@gmail.com,

Norfarahidayu Baharudin: ayu_tvs@yahoo.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com



Majlis Istiadat Angkat Sumpah

*Azmin Ali sebagai
Datuk Menteri Besar Selangor*





KASIH... dakapan restu seorang ibu

Rakyat gembira pelantikan Azmin

GOMBAK - Orang ramai, khususnya rakyat Gombak memenuhi pekarangan rumah ibu Menteri Besar yang baharu, Mohamed Azmin Ali di Kampung Klang Gate Baru, Hulu Kelang.

Satu majlis kenduri kesyukuran diadakan selepas Majlis Angkat Sumpah jawatan Menteri Besar Selangor ke-15 di Istana Alam Shah, Klang.

Beliau juga sempat mengimamkan kira-kira 300 jemaah sewaktu solat Zuhur di masjid berhampiran rumah ibunya.



SHAH ALAM - Pentadbiran Menteri Besar Mohamed Azmin Ali, kini lengkap dan sedia be-kerja dengan komposisi terdiri daripada 4 Adun PKR, 3 Adun PAS dan 3 Adun DAP.

Dari senarai yang diterima Selangor Kini, keanggotaan jemaah Azmin melangkaui spekulasi yang bertiup kencang di media.

Exco tegas dan pemimpin lantang Pesuruhjaya PAS Iskandar Abdul Samad yang berkhidmat di bawah Menteri Besar terdahulu dijemput menganggotai pentadbiran baharu. Beliau diapit Adun Sijangkang Dr Ahmad Yunus

Komposisi PKR 4, PAS 3, DAP 3

Pentadbiran Azmin lengkap, sedia bekerja

Hairi yang menangani isu air Selangor dengan baik, serta pemimpin muda Adun Taman Templer, Zaidy Abdul Talib.

Meskipun kuota Exco PAS dikurangkan kepada tiga, Adun Seri Setia Nik Nazmi Nik Ahmad meletak jawatan sebagai Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS)

untuk memberi laluan kepada Adun PAS.

Nik Nazmi dimasukkan ke dalam kuota Exco PKR yang ditambah menjadi empat, bersama-sama Adun Bukit Langan, Elizabeth Wong, Adun Sementa, Dr Daroyah Alwi dan pemimpin muda, Adun Batu Caves, Amirudin Shari.

Bagi kuota DAP pula, Exco terdahulu iaitu Adun Sungai Pinang Datuk Teng Chang Khim, Adun Seri Kembangan Ean Yong Hian Wah dan Adun Kota Alam Shah V Ganabatirau dipanggil semula untuk berkhidmat.

Perlantikan mereka berkuatkuasa 26 September

selepas menerima perkenan DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj.

Calon Timbalan Speaker akan dilantik ketika DNS bersidang November depan.



MUKA LAMA DAN BARU... mantapkan lagi barisan pentadbiran kerajaan Selangor

Halimah kesal Exco PAS dikurangkan

KLANG - Bekas Exco, Dr Halimah Ali menyifatkan pembahagian bilangan Exco Selangor yang mengurangkan wakil PAS tidak melambangkan semangat setiakawan dalam Pakatan Rakyat.

"Semangat setiakawan tiada di situ," katanya ringkas ketika ditanya mengenai pengurangan komposisi jawatan Exco di negeri

itu tetapi enggan mengulas lanjut berhubung perkara terbabit.

Halimah yang sebelum ini memegang portfolio Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, bagaimanapun berharap Exco baru yang dilantik supaya menjalankan tugas dengan baik.

Pengumuman senarai 10 Exco

menyaksikan PAS kehilangan satu wakil dan menyatakan keputusan hasil permuafakatan bersama pemimpin Pakatan Rakyat.

Jumlah ahli exco PAS dikurangkan daripada empat sebelum ini kepada tiga orang manakala jumlah Exco dari PKR bertambah dari tiga kepada empat orang.

Terima dengan hati terbuka - Mustafa

PAS menganggap pengurangan jumlah Exco kerajaan Selangor dari PAS -sebagai di luar jangkauan tetapi parti itu menerimanya dengan hati yang terbuka.

Setiausaha Agung PAS, Datuk Mustafa Ali berkata, PAS memahami 'kesukaran membuat pilihan' oleh Datuk

Menteri Besar, Azmin Ali.

"Apapun kita yakin beliau (menteri besar) telah berusaha mengimbangi suasana yang ada sebaik-baiknya.

"Apa yang lebih penting bagi kita ialah, ini satu lagi pengorbanan yang PAS perlu lakukan untuk melihat krisis di negeri Selangor selesai, dan Pakatan

boleh bergerak ke hadapan," katanya kepada Harakahdaily.

Beliau berkata, semua pihak perlu menghargai setiap pengorbanan yang dilakukan oleh mana-mana pihak dan mengingatkan, musuh sebenar Pakatan adalah BN dan bukan sesama parti dalam Pakatan Rakyat.

Tiga muka baharu, Exco PKR bertambah

SHAH ALAM - Sepuluh Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pakatan Rakyat (PR) Selangor hari ini mengangkat sumpah secara rasmi sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Exco kali ini menampilkan tiga muka baharu dan mengekalkan tujuh muka lama dalam pentadbiran Datuk Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Parti Keadilan Rakyat (PKR) membariskan dua Adun muka lama iaitu Adun Bukit Langan, Elizabeth Wong dan Adun Sementa, Dr Daroyah Alwi manakala muka baru ialah Adun Seri Setia, Nik Nazmi Nik Ahmad dan Adun Batu Caves, Amirudin Shari.

Adun daripada PAS turut mengekalkan dua muka lama iaitu Adun Chempaka, Iskandar Abdul Samad dan Adun Sijangkang, Dr Ahmad Yunus Hairi manakala muka baru ialah Adun Taman Templer, Zaidy Abdul Talib.

Bagaimanapun, bilangan Exco PAS berkurangan seorang tetapi Azmin menyatakan pemimpin PAS bersetuju dengan barisan barisan baru Exco itu.

"Saya secara peribadi telah berkomunikasi dengan Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang, Timbalan Presiden Mohamad Sabu dan Setiausaha Agung Datuk Mustafa Ali, dan mereka bersetuju," katanya dipetik MalaysiaKini.

Exco kali ini menampilkan tiga muka baharu dan mengekalkan tujuh muka lama dalam pentadbiran Datuk Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali

Tiga Adun DAP semuanya dikekalkan, terdiri dari Adun Sungai Pinang, Datuk Teng Chang Khim, Adun Kota Alam Shah, Ganabatirau Veraman dan Adun Seri Kembangan, Ean Yong Hian Wah.

Istiadat angkat sumpah semua sepuluh Exco yang diperkenan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah itu berlangsung di Balairung Seri di Istana Alam Shah.

Teng mengetuai barisan Exco memulakan istiadat angkat sumpah dan menerima surat pelantikan daripada Sultan Selangor.

Komposisi baru barisan Exco PKR-DAP-PAS itu, bagaimanapun sudah diperkenankan oleh DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah

Tiga Adun yang digugurkan ialah Sallehen Mukhyi (PAS), Halimah Ali (PAS) dan Rodziah Ismail (PKR).

MAJLIS ISTIADAT ANGKAT SUMPAH EXCO BAHARU SELANGOR



Apa kata Exco



Terima kasih kepada DAP dan YAB Menteri Besar kerana mencalonkan saya serta Tuanku Sultan yang memberikan perkenan. Saya harap kita akan buat satu team player Exco bersama Menteri Besar, bukannya keputusan dibuat seorang individu. Kita rasa barisan Exco yang dilantik ini, kita tidak lagi memperjuangkan parti punya konsep tetapi lebih kepada Pakatan Rakyat (PR). Kita mesti mempunyai konsesus dalam membuat keputusan.

YB GANABATIRAU VERAMAN

Saya berterima kasih kepada Tuanku dan Menteri Besar kerana melantik saya sebagai Exco yang baharu. Saya akan berkerja bersama barisan Exco yang baru dan juga Menteri Besar bagi memastikan kebajikan rakyat dan pembangunan negeri Selangor dapat dilaksanakan secepat mungkin.

YB EAN YONG HIAN WAH



Alhamdulillah... baru selesai majlis angkat sumpah Exco-Exco yang dilantik. Kita ucapkan selamat bertugas. Kita akan beri sepenuh tumpuan dan perhatian untuk berikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat tanpa mengira latar belakang parti. Kemelut lepas kita tinggalkan. Kemelut itu pun kita dah tutup buku. Asalnya pun sebab berkaitan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, tetapi sekarang Tan Sri Khalid dah pun letal jawatan dan kita ada Menteri Besar baru, Exco baru. Paling penting sekarang adalah rakyat, jadi kita kena fokuskan kepada perkhidmatan kepada rakyat.

YB ZAIDY ABDUL TALIB

Terima kasih atas kepercayaan Tuanku Sultan dan juga Menteri Besar yang baru. Ketika ini kita perlu pandang ke depan dan bekerja lebih keras demi rakyat Selangor. Ada banyak kerja kita perlu selesaikan untuk rakyat.”

YB ELIZABETH WONG



Ini tanggungjawab yang berat. Terima kasih atas kepercayaan yg diberikan YAB Menteri Besar dan PKR. Saya harap dapat galas tanggungjawab ini sebaik mungkin.”

YB NIK NAZMI

Kita terima dengan baik keputusan Datuk Menteri Besar dan mendapat perkenan DYMM Tuanku. Kita kena duduk bersama untuk bincang langkah yang dapat perbaiki dan agenda untuk letakkan portfolio dapat dibincangkan dengan sebaik mungkin

DR YUNUS HAIRI





▶ Adun Seri Muda, Shuhaimi Shafiei, menyampaikan sumbangan Anugerah Pelajar cemerlang SPM 2013 kepada adik Tee Chim Zhe yang mendapat 10 A



▶ Bersama Ketua Jabatan Parit dan Saliran (JPS), Halim Masri, Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong, meninjau aduan penduduk mengenai kolam terbiar di tepi sungai



▶ Pastor Moses Savariyandan, Ketua Komuniti Masyarakat Kristian Meru, menerima sumbangan bagi Lawatan Sambil Belajar Belia Kristian ke Pulau Ketam



▶ Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali, bersalaman dengan kanak-kanak dan pelajar yang hadir sewaktu merasmikan Program GeMS Remaja di Taman Rakyat, Taman Sri Andalas



▶ Majlis Perbandaran Klang, bersama Adun Sementa, Dr Daroyah Alwi, meninjau tempat pembuangan sampah haram di lebuh Sungai Kapar, Indah di DUN Sementa

Serah lembu korban tugas pertama Menteri Besar baharu



OLEH AFIX REDZUAN

RAWANG - Penyerahan lembu korban sempena sambutan Aidiladha merupakan tugas pertama Datuk Menteri Besar Selangor yang baharu, Mohamed Azmin Ali.

Penyerahan 763 lembu itu diurus Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS), sebuah anak syarikat kerajaan negeri.

Dalam ucapan, Azmin menyatakan penghargaan terhadap sumbangan dan prestasi anak syarikat Kerajaan Negeri yang menyumbang lembu korban itu.

“Kita mahu keuntungan, tetapi kalau keuntungan itu tidak disusuli dengan tanggungjawab sosial, maka ia satu kegagalan besar,” katanya.

Antara anak syarikat yang menyumbang, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB).

Pengurus Besar PKPS, Thamby Omar Mohamed pula berkata, PKPS dipertanggungjawab menguruskan penyerahan lembu korban sejak tahun lalu.

“Semua lembu diimport dari Ireland. Ia disimpan di ladang PKPS di Sungai Panjang dan diserahkan bermula 2 Oktober hingga 4 Oktober depan.

“Setiap lembu seberat 260kg seekor,” katanya.



“**Kita mahu keuntungan, tetapi kalau keuntungan itu tidak disusuli dengan tanggungjawab sosial, maka ia satu kegagalan besar**”

MOHAMED AZMIN
Menteri Besar



Bacaan yasin dan doa selamat rai perlantikan Azmin

GOMBAK - Masjid As Sharrif, Simpang 3, Gombak, mengadakan majlis bacaan yasin dan doa selamat sempena perlantikan Datuk Menteri Besar yang baharu, Mohamed Azmin Ali.

Mohamed Azmin yang berikain pelikat dan berkopiah putih, hadir dalam majlis tersebut.

Beliau turut mengerjakan solat Isyak secara berjemaah sebelum mengambil kesem-

tan berucap dan beramah mesra bersama mereka.

Orang ramai dan kanak-kanak yang hadir tidak melepaskan peluang mengucapkan tahniah kepada beliau.

Turut hadir sama Adun Batu Caves, Amirudin Shaari, Adun Gombak Setia, Hasbullah Ridzuan dan Adun Taman Templer, Zaidy Abdul Talib serta Pegawai Daerah Gombak, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan.



Setinggi-tinggi **TAHNIAH**



**SETINGGI-TINGGI TAHNIAH DI ATAS PERLANTIKAN
Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
SEBAGAI DATO' MENTERI BESAR SELANGOR**

PADA 23 SEPTEMBER 2014



**IKHLAS DARIPADA:
DATUK BANDAR, AHLI-AHLI MAJLIS DAN WARGA KERJA
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**

OLEH LIZAWATI MADFA

Di pasar tani ada jual - beli - baca buku

Usah terkejut jika orang ramai mengunjungi Pasar Tani bukan untuk membeli sayur-sayuran, ikan atau daging ayam, sebaliknya mahu mendapatkan buku terbaharu.

Ini kerana Mobile Book Cafe (MBC) atau kafe buku bergerak mungkin ada di mana-mana termasuk Pasar Tani yang lazimnya menempatkan gerai jualan barangan keperluan harian.

Istimewanya, buku yang ditawarkan pada harga istimewa setiap hari, Mobile Book Cafe turut menghidang kopi organik secara percuma serta buah tangan lain.

Bukan hanya pasar tani, MBC juga menjual buku di majlis perkahwinan, majlis rumah terbuka, stesen minyak mahupun perkarangan tempat letak

kereta.

"Kami tiada tempat khusus. Di mana ada jemputan, kami pergi. Inilah kelebihan kami, ke mana-mana sahaja. Paling jauh setakat ini ke Melaka," kata pengasasnya, Muhammad Azam Nor Anwar.

MBC sebenarnya sebuah van persendirian yang diubah suai menjadi sebuah kenderaan jualan buku dan majalah serta menyerupai sebuah kafe santai.

Sejak diusahakan kira-kira setahun lalu, sambutan semakin lama semakin menggalakkan. Namun, saat memulakan ope-

rasi MBC, bukan semudah yang disangka.

"Cabaran awal ialah menyiapkan kenderaan sesuai bagi menjalankan perniagaan kedai buku bergerak.

"Saya memilih kenderaan jenis Isuzu Dimax, kemudian diubah suai seperti keadaan sekarang dengan kos puluhan ribu.

"Puspakom mengambil masa lama bagi meluluskan kenderaan itu dan ia mengambil masa sekitar lima bulan untuk ke jalan raya. Leganya, hanya Allah sahaja yang tahu," katanya.

Mengikut pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), kenderaan seperti MBC adalah yang pertama seumpamanya didaftarkan di Malaysia persis kedai buku sebenar.

Pun begitu, di sebalik kegembiraan mempelopori kafe bergerak sedemikian, Azam sempat membisikkan kerisauannya akan sikap kurang membaca di kalangan rakyat khususnya orang Melayu.

"Boleh dikatakan sambutan luar biasa diterima di kalangan rakan Cina. Malah mereka tidak kekuk membeli bahan bacaan berunsur Islam.

"Antaranya, panduan kesihatan berasaskan sunnah



ataupun buku sastera berbahasa Melayu. Kita dapat lihat kesungguhan mereka dalam membudayakan pembacaan.

"Ini agak berbeza dengan sikap kebanyakan dari orang Melayu yang lebih gemar mencari novel berunsur pop," katanya yang menjual pelbagai jenis buku termasuk motivasi, pengetahuan am, Islam, ensiklopedia, novel dan buku kanak-kanak.

Bagi Azam, bukan salah membaca karya sedemikian tetapi perlu diselang seli dengan bahan bacaan ilmiah supaya minda lebih kritis.

Tidak hairanlah, beliau ada kalanya - demi memupuk minat membaca, memberi buku secara percuma kepada pelanggan.

"Ada kalanya orang datang kepada saya dan beritahu bahawa mereka tidak minat membaca.

"Tetapi saya akan tanya apa mereka minat, jika minat pada kereta, ada buku berkaitan kereta, jika minat fesyen, ada buku itu juga.

"Jika mereka tiada duit, saya beri sahaja, asalkan mereka membaca. Itu permulaan baik," katanya.

Azam mengakui sesetengah pihak hairan dengan tindakannya itu yang tentunya menjejaskan keuntungan, apatah lagi jualan buku jauh lebih rendah margin keuntungannya.

"Jika kita berniaga mes-

“

Kami tiada tempat khusus. Di mana ada jemputan, kami pergi. Inilah kelebihan kami, ke mana-mana sahaja. Paling jauh setakat ini ke Melaka

MUHAMMAD AZAM NOR ANWAR

Pengasas Mobile Book Cafe (MBC)

tilah ada keuntungan. Cuma kita yang tentukan sama ada nak untung banyak atau sedikit. Selebihnya sedekah," katanya.

Beliau yang baru-baru ini menyertai Pesta Buku Selangor juga banyak memasarkan buku penerbit bebas yang sukar mendapatkan tempat di kedai buku ternama.

"Kami beri peluang kepada terbitan tempatan berbanding luar negara kerana percaya karya tempatan juga ada produk penerbitan bermutu," katanya.

Bagi memantapkan lagi interaksi dengan kaki buku, Azam mewujudkan laman Facebook Mobilebookcafe dan Instagram dengan nama MobileBookCafe.



Kewujudan Mobile Book Cafe menjadi tumpuan kepada peminat buku

Lupakan sengketa, bangun negeri - Sultan Selangor

KLANG - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menyeru Exco baru yang mengangkat sumpah memberi sokongan kepada Datuk Menteri Besar baharu, Mohamed Azmin Ali dalam menjalankan tugas kepada rakyat.

“Lupakan sengketa lalu dan tumpukan segala tenaga kepakaran dan pengalaman untuk berkhidmat kepada

rakyat yang memberikan mandat,” titah baginda pada Majlis Pelantikan Exco Baru Negeri Selangor di Balairong Seri Istana Alam Shah, 26 September lalu.

Mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim kerana menjalankan tugas dengan sempurna dan mengekalkan hubungan baik dengan istana, baginda bertitah, rakyat tidak gemar

terpaksa tinggal dalam negeri yang huru-hara.

Baginda juga memberi jaminan tidak akan campur tangan dalam pentadbiran negeri sebaliknya hanya memberi nasihat jika ada perkara menyusahkan rakyat.

Bertitah rakyat perlu memahami fungsi sebenar Sultan dan kuasa Institusi Raja, baginda mengingatkan tugas

sultan tidak terhad dalam istiadat dan majlis rasmi sahaja tetapi memastikan rakyat hidup aman dan maju jaya.

“Beta mengucapkan penghargaan kepada rakyat menyokong beta dalam kemelut pelantikan Menteri Besar dan mempercayai beta dalam menyelesaikan kemelut ini.

“Beta sentiasa memikirkan ketenteraman, kemakmuran dan keharmonian rakyat

negeri yang beta kasihi ini,” titah baginda.

Sultan Sharafuddin bertitah orang Melayu Islam tidak boleh berpuak-puak, mencaci antara sesama sendiri hingga meruntuhkan kemuafakatan orang Melayu.

“Janganlah mudah sangat orang Melayu diperdaya sehingga maruah tergadai demi untuk kepentingan sendiri,” titah baginda.

Harap perhatian lebih kepada PBT

KLANG - Majlis Perbandaran Klang (MPK) menunggu perjumpaan Ketua-Ketua Jabatan bersama Datuk Menteri Besar yang baharu, Mohamed Azmin Ali bagi mendengar misi dan visi beliau dalam menambahbaik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri itu.

Yang Di Pertua MPK, Datuk Mohammad Yaacob berkata sebagai salah satu PBT di negeri itu, beliau mahu Menteri Besar yang baru itu menjalankan tanggungjawab dalam menaikkan taraf PBT dengan lebih baik.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut penambahbaikan yang perlu dilakukan.

“Sebagai kakitangan awam, kita mengikuti kerajaan yang dipilih. Saya harap Menteri Besar yang baru dapat menjalankan tanggungjawab ke-

pada PBT dengan lebih baik.

“Buat masa ini, kita menunggu perjumpaan dengan Ketua-Ketua Jabatan, seterusnya kita akan melihat misi dan visi beliau, baru kita lihat bagaimana,” katanya ketika ditemui selepas mesyuarat bulanan MPK, di sini.

Mohammed Azmin sebelum ini mahu permasalahan sampah, demam denggi, keselamatan awam dan penyelenggaraan jalan menjadi fokus utama beliau selepas dilantik menjadi Menteri Besar Selangor.

Ini kerana empat perkara utama yang disebutkan beliau memerlukan perhatian khusus dalam memastikan kesejahteraan rakyat Selangor.

“**Sebagai kakitangan awam, kita mengikuti kerajaan yang dipilih. Saya harap Menteri Besar yang baru dapat menjalankan tanggungjawab kepada PBT dengan lebih baik**

MOHAMMAD YAACOB
Yang Di Pertua MPK



Isu PBT, diberi tumpuan utama



Masalah sampah, wabak denggi dan kemudahan awam antara yang menjadi keutamaan

GOMBAK - Menangani permasalahan sampah, penularan wabak denggi, keselamatan awam dan penyelenggaraan jalan ke tahap yang lebih berkesan mendapat keutamaan Menteri Besar Mohamed Azmin Ali.

Bercakap kepada jemaah Masjid As Sharif, Gombak seusai solat Maghrib bersama rakyat baru-baru ini, isu-isu setempat itu perlu ditangani dengan segera kerana memberi kesan langsung ke atas kesejahteraan hidup rakyat.

“Alhamdulillah... kita mempunyai rizab yang besar, tetapi setiap sen itu mestilah dibelanjakan dengan berhemah dan telus, yang memberikan manfaat kepada rakyat Selangor,” tegas Azmin.

Keutamaan Azmin itu selari dengan tinjauan Selangor Kini. Perlantikan beliau dengan harapan pentadbiran baharu menambah baik penyampaian khidmat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

“Apabila ada isu sampah atau kemudahan awam, rakyat tidak pandang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), tetapi mudah menyalahkan Kerajaan Negeri,” kata Ahli Jawatankuasa Majlis Perwakilatan Penduduk (MPP) Zon 1 Petaling Jaya, Mohd Ikhwan Mohd Din.

Pengerusi Badan Pengurusan Bersama (JMB) Apartment Saujana, Nazri Ismail pula berharap PBT dapat memperluas perkhidmatan bas percuma di penempatan penduduk berpendapatan

rendah dan sederhana.

Manakala pihak PBT pula sedia melaksanakan wawasan yang akan dibentangkan pentadbiran baharu dalam mesyuarat yang dijangka diadakan Isnin depan.

“Buat masa ini, kita menunggu perjumpaan dengan Ketua-Ketua Jabatan, seterusnya kita akan melihat misi dan visi beliau, baru kita lihat bagaimana,” kata Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang, Datuk Mohammad Yaacob.

Azmin mengadakan pertemuan dengan Ketua Polis Selangor, Senior DCP Datuk Abdul Samah Hj Mat bagi membincangkan soal keselamatan negeri ini untuk tindakan segera.



Kaji perjanjian Kidex dan air

KUALA LUMPUR - Parti Keadilan Rakyat (PKR) mahu Menteri Besar baharu, Mohamed Azmin Ali mengkaji semula perjanjian ditandatangani pentadbiran lalu, khususnya pembinaan lebuh raya projek Lebuh raya Kinrara-Damansara (Kidex) dan pengambilalihan industri air.

Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kabinet negeri yang baharu perlu meneliti semua perjanjian selepas selesai pembentukan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco).

PKR menyokong penuh kenyataan MB baharu untuk mengkaji semula kelulusan yang dibuat khususnya Kidex yang beri keuntungan kepada kroni kerajaan Umno-BN.

"Ia termasuk isu perjanjian air dengan Kerajaan Persekutuan, kami beri sokongan penuh," katanya pada sidang media bersama Azmin dan empat barisan Exco PKR di

PKR menyokong penuh kenyataan MB baharu untuk mengkaji semula kelulusan yang dibuat khususnya Kidex yang beri keuntungan kepada kroni kerajaan Umno-BN.

ibu pejabat PKR 26 September lalu.

Anwar menyifatkan pentadbiran Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim tidak pernah terperinci kelulusan dalam perjanjian itu kepada parti.

"Pentadbiran baharu perlu berikan contoh yang baik dan telus. Saya beri sokongan kuat dan padu kepada MB baharu," katanya.



Foto oleh Fendy

Pendakwaan Surendran sahkan konspirasi penjarakan Anwar

KUALA LUMPUR - Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan pendakwaan terhadap peguamnya, N Surendran mengikut Akta Hasutan 1948 mengesahkan konspirasi untuk memenjarakan Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu.

Merujuk rayuan terhadap sabitan kes Fitnah II yang didengar di Mahkamah Persekutuan pada 28 dan 29 Oktober ini, beliau berkata perkembangan mutakhir menjejaskan haknya untuk mendapat pendengaran yang adil.

"Ini untuk menakutkan pasukan pembelaan saya dan menghalang mere-

ka daripada melakukan tugas profesional serta mencabul hak saya mengikut Perlembagaan untuk mendapat khidmat guaman yang baik.

"Pendakwaan terhadap Surendran mengesahkan dakwaan konspirasi terhadap saya dan mengukuhkan kepercayaan bahawa kerajaan sedaya upaya untuk memenjarakan saya," katanya pada kenyataan media, 25 September lalu.

Pada 19 dan 28 Ogos lalu, Surendran dua kali didakwa mengikut Akta Hasutan berikutan kritiknya terhadap keputusan Hakim Mahkamah Rayuan yang mensabitkan Anwar dalam kes Fitnah II

manakala dakwaan kedua berhubung kenyataan medianya mengenai konspirasi dalam pertuduhan terhadap Anwar.

Anwar berkata, Datuk Seri Najib Razak mengikut jejak langkah Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1998 dengan menggunakan jentera kerajaan untuk memastikan dirinya dipenjarakan.

"Najib melakukan perkara sama seperti mentornya dengan mengerahkan seluruh jentera termasuk media, polis, Peguam Negara dan badan kehakiman untuk memastikan keadilan tidak ditegak dan saya dibuang dari persada politik," katanya.

Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) TERKINI!!!

Tarikh tutup pendaftaran Ahli TAWAS adalah pada ulang tahun KETIGA pemohon Anak - anak Selangor yang belum mencapai usia 3 TAHUN atau lahir bermula dari 9 Julai 2011 dipelawa untuk mendaftar sebagai Ahli TAWAS.

CEPAT, DAFTAR SEKARANG!!!

Maklumat lanjut sila layari www.tawas.org.my atau hubungi **03 - 5521 8740 / 8741**

Manfaat:

- Skim Khairat Kematiann bernilai RM 1,500*
- Berkuasa pada 1 Mac 2014
- Hadiah Kelahiran 2008 : Bucer Jom Shopping RM 100
- Hadiah Kelahiran 2009 : Bonus RM 30
- Hadiah Kelahiran 2010 : Bonus RM 30
- Hadiah Kelahiran 2011 :
- Hadiah Kelahiran 2012 :

Jom Daftar & Dapatkan Penyata Simpanan Tawas rm1,500

selangorku